

Pilih dan isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

peraturan	memberi	mengangkat tangan	dibuang	berlari-lari
membersihkan	menconteng	harta benda	berdisiplin	berbaris

Sekolah adalah tempat menuntut ilmu. Oleh itu , setiap murid mesti mematuhi _____ yang ditetapkan.

Di dalam darjah, murid perlu _____ perhatian semasa guru mengajar. Murid juga hendaklah _____ jika ingin bertanya soalan.

Selain itu murid mesti _____ meja dan kerusi agar kelas sentiasa bersih dan kemas. Kita juga di larang _____ di dinding atau meja kerana ia merupakan _____ sekolah.

Di luar bilik darjah pula, murid mesti _____. Semasa waktu rehat, murid perlu _____ di kantin. Selepas makan, sampah hendaklah _____ ke dalam tong sampah. Semasa perhimpunan , semua murid wajib berbaris dengan sempurna. Murid juga dilarang _____ di koridor dan tangga kerana boleh menyebabkan kemalangan.